



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsemilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3 (2)

Tarikh :  Julai 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 2 TAHUN 2020 : AKTIVITI MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR iGFMAS & SISTEM
SOKONGAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DAN PENUTUPAN AKAUN
BULAN JULAI 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur iGFMAS dan sistem sokongan JANM seperti ketetapan berikut :

Tarikh Mula	: 29 Julai 2020 (jam 8.00 malam)
Tarikh Tamat	: 1 Ogos 2020 (jam 11.00 malam)
Aplikasi Yang Terlibat	: i. Portal iGFMAS ii. Sistem Payroll (HCM) iii. Portal Rasmi JANM iv. Portal Perakaunan Akruan v. ePenyata Gaji dan Laporan vi. EGUMIS vii. EMaklum viii. eVendor ix. ePenyata Pinjaman Komputer x. SPWTD xi. AREF xii. Active Directory

3. Sehubungan itu, aplikasi seperti di para 2 tidak dapat diakses sepanjang tempoh kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur dilaksanakan dan dijangka akan beroperasi seperti biasa mulai 1 Ogos 2020, jam 11.01 malam. Bagi memastikan perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas sepanjang tempoh tersebut dan proses penutupan akaun bagi bulan Julai 2020 berjalan lancar, semua Pusat Tanggungjawab / Pejabat Pemungut / Pusat Pembayar Gaji adalah dipohn untuk mengambil tindakan seperti di **Lampiran A**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai-pegawai di bawah :

Unit Pengurusan Dana : 06-768 6813 / 6844 / 6838 / 6896 / 6895

Unit Akaun : 06-768 6871 / 6830 / 6839 / 6890

Unit Gaji : 06-768 6897 / 6834 / 6840 / 6837 / 6892 / 6835

Unit IT : 06-768 6816 / 6831

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

**TINDAKAN PTJ SEPANJANG TEMPOH AKTIVITI MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR
iGFMAS & SISTEM SOKONGAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

BIL	PERKARA	TINDAKAN PTJ	TARIKH
1.	Arahan Pembayaran	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua Arahan Pembayaran hendaklah diselesaikan sehingga Peraku II sebelum atau pada 29 Julai 2020, jam 3.00 petang. Peranan Peraku II akan <i>disabled</i> mulai jam 4.00 petang. ii. Arahan Pembayaran yang tidak dapat diselesaikan pada 29 Julai 2020 boleh dibuat Peraku II mulai 2 Ogos 2020. 	29 Julai 2020 (jam 3.00 petang)
2.	Terimaan	<p><u>Terimaan 29 Julai 2020 (Sehingga Jam 5.00 Petang)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan sehingga 29 Julai 2020 (sehingga jam 5.00 petang) hendaklah diperakaunkan menggunakan Resit iGFMAS (kecuali Resit IDD). ii. Terimaan bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 29 Julai 2020 (sehingga jam 12.00 t/hari) hendaklah dibuat Penyata Pemungut iGFMAS (peraku II) dan dibankkan selewat-lewatnya pada jam 2.00 petang. iii. Resit yang telah dikeluarkan selepas jam 12.00 t/hari hingga jam 5.00 petang juga perlu diselesaikan sehingga Penyata Pemungut iGFMAS (peraku II) selepas kaunter ditutup termasuk PTJ Hospital. Terimaan ini hendaklah dibankkan pada 30 Julai 2020 selaras dengan AP78. iv. Bagi PTJ Hospital (kecuali IDD), terimaan yang dikutip selepas jam 5.00 petang hendaklah dikeluarkan Resit Manual Kew.38 dan dibankkan pada 30 Julai 2020 menggunakan Penyata Pemungut Manual (Excel). 	29 Julai 2020 Sehingga jam 5.00 petang (diperakaunkan dalam iGFMAS) 29 Julai 2020 selepas jam 5.00 petang (Resit dan PP Manual)

	<p>v. Pada 3 Ogos 2020, PTJ Hospital (kecuali IDD) hendaklah mengunci masuk semula terimaan Resit Manual Kew.38 tersebut ke dalam Sistem iGFMAS. Di Penyata Pemungut, hanya perlu memilih jenis pungutan D = Pungutan yang diperakaunkan sahaja.</p> <p><u>Terimaan pada 30 Julai – 1 Ogos 2020</u></p> <p>i. PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah mengeluarkan Resit Manual Kew.38 bagi terimaan yang dikutip pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2020.</p> <p>ii. Terimaan yang dikutip pada 30 Julai 2020 (sehingga jam 12.00 t/hari) hendaklah dibankkan pada 30 Julai 2020 selewat-lewatnya pada jam 2.00 petang, selaras dengan AP78 menggunakan Penyata Pemungut Manual (Excel). Pada 3 Ogos 2020, PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah mengunci masuk semula terimaan Resit Manual Kew.38 tersebut ke dalam Sistem iGFMAS. Di Penyata Pemungut, PTJ / Pejabat Pemungut hanya perlu memilih jenis pungutan D = Pungutan yang diperakaunkan sahaja.</p> <p>iii. Terimaan selepas jam 12.00 t/hari, 30 Julai 2020 hingga 1 Ogos 2020 hendaklah dikeluarkan Resit Manual Kew.38. Walau bagaimanapun, PTJ / Pejabat Pemungut tidak perlu menggunakan Penyata Pemungut Manual (Excel). Pada 3 Ogos 2020, PTJ mengunci masuk semula terimaan Resit Manual Kew.38 tersebut ke dalam Sistem iGFMAS. Terimaan dibankkan pada 3 Ogos 2020 menggunakan Penyata Pemungut iGFMAS.</p> <p>Format Penyata Pemungut Manual boleh dimuat turun di Website JANM Negeri Sembilan :</p> <p>http://www.anm.gov.my/index.php/perkhidmatan-negeri-sembilan/muat-turun-negeri-sembilan/borang</p> <p>Perkhidmatan > Muat Turun > Borang > Akaun > Borang No. 7</p>	<p>30 Julai 2020 sehingga jam 12.00 t/hari (Resit dan PP Manual)</p> <p>30 Julai 2020 selepas 12.00 t/hari — 1 Ogos 2020 (Resit Manual. Kunci masuk semula ke dalam sistem iGFMAS pada 3 Ogos 2020. Dibankkan guna PP iGFMAS)</p>
--	---	---

		<p><u>Terimaan Bagi Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan (cth : kupon) daripada Klinik Kesihatan bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 28 Julai 2020 hendaklah diserahkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah selewat-lewatnya pada 28 Julai 2020. ii. Pejabat Kesihatan Daerah perlu memperakaunkan kutipan hasil tersebut di dalam Sistem iGFMAS melalui Resit dan Penyata Pemungut iGFMAS sebelum atau pada 29 Julai 2020. Terimaan tersebut hendaklah dibankkan pada 29 Julai 2020, selewat-lewatnya pada jam 2.00 petang. iii. Terimaan Klinik Kesihatan bagi tempoh 29 Julai 2020 hingga 2 Ogos 2020 hendaklah diserahkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah pada 3 Ogos 2020. Pejabat Kesihatan Daerah perlu memperakaunkan kutipan hasil tersebut di dalam Sistem iGFMAS dan dibankkan pada 3 Ogos 2020 selewat-lewatnya pada jam 2.00 petang. iv. Klinik Kesihatan atau Pejabat Kesihatan Daerah hendaklah mengeluarkan Resit Manual Kew.38 bagi terimaan selain kupon yang dikutip mulai 29 Julai (jam 8.00 malam) hingga 1 Ogos 2020. 	
3.	Panjar	<p>Baucar Rekupmen Panjar hendaklah diselesaikan sehingga Peraku II selewat-lewatnya pada 24 Julai 2020.</p> <p>Wang hendaklah ditunaikan di bank sebelum atau pada 28 Julai 2020.</p> <p>Penerimaan Rekupmen hendaklah dibuat dalam Modul Panjar sebelum atau pada 29 Julai 2020, jam 12.00 tengah hari.</p>	<p>Rekupmen = 24 Julai 2020</p> <p>Tunai Wang = 28 Julai 2020</p> <p>Penerimaan Rekupmen = 29 Julai 2020 (jam 12.00 t/hari)</p>

4.	Baucar Jurnal	<p>Semua Baucar Jurnal hendaklah diselesaikan sehingga Peraku II sebelum atau pada 29 Julai 2020, jam 3.00 petang. Peranan Peraku II akan <i>disabled</i> mulai jam 4.00 petang.</p> <p>Baucar Jurnal yang tidak dapat diselesaikan pada 29 Julai 2020 boleh dibuat Peraku II mulai 2 Ogos 2020.</p>	29 Julai 2020 (jam 3.00 petang)
5.	Gaji	<p>Kunci masuk perubahan gaji bagi bulan Ogos 2020 hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 29 Julai 2020, jam 3.00 petang.</p> <p>Kunci masuk perubahan gaji yang tidak dapat diselesaikan pada 29 Julai 2020 boleh dibuat mulai 5 Ogos 2020 hingga 10 Ogos 2020. Tarikh akhir simulasi gaji bagi bulan Ogos 2020 adalah pada 10 Ogos 2020.</p>	29 Julai 2020 (jam 3.00 petang)
6.	Perolehan	<p>Semua perolehan dalam Sistem ePerolehan dan iGFMAS hendaklah diselesaikan sebelum atau pada 29 Julai 2020, jam 3.00 petang.</p> <p>Sepanjang tempoh aktiviti menaiktaraf infrastruktur Sistem iGFMAS ini, pengeluaran Pesanan Kerajaan hendaklah dibuat dengan kelulusan ePerolehan terlebih dahulu. PTJ hendaklah mengemukakan permohonan melalui Sistem eGPA.</p>	29 Julai 2020 (jam 3.00 petang)